
	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA Bil. 01/2014</p> <p>NAIK TARAF PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA KATEGORI A4-2, A4-1 KE A4 ATAU B0-2, B0-1 KE B0 DAN PEMBERHENTIAN PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN A4-2, A4-1, B0-2 DAN B0-1.</p>	<p>No: Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk.01/2014</p>
---	---	--

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada penggiat industri pembekalan dan perkhidmatan elektrik, pengguna elektrik dan individu yang berkaitan mengenai:
 - i. Kaedah naik taraf perakuan kekompetenan Penjaga Jentera A4-2, A4-1 dan B0-2, B0-1 kepada A4 atau B0 melalui kursus modul Talian Atas Voltan Rendah (TAVR) dan/atau modul Janakuasa Segerak Voltan Rendah dengan Penyegerakan (JKVRP) di institusi bertauliah yang berkenaan, dan
 - ii. Pemberhentian peperiksaan dan pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera bagi kategori A4-2, A4-1, B0-2 dan B0-1.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut syarat sedia ada, pemegang Perakuan Kekompetenan PJ A4-2 atau A4-1 yang ingin naik taraf ke PJ A4 perlu mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dalam satu tempoh masa tertentu atau menjalani modul latihan berkaitan di institusi-institusi bertauliah sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan kekompetenan PJ A4. Begitu juga dengan pemegang perakuan kekompetenan PJ B0-2 atau B0-1 yang ingin naik taraf ke PJ B0.
3. Sehubungan dengan itu, pekeling ini adalah bagi menggariskan kaedah baru bagi tujuan naik taraf perakuan kekompetenan PJ A4-2 dan A4-1 atau PJ B0-2 dan B0-1 masing-masing ke PJ A4 atau PJ B0. Di samping itu, kaedah baru ini juga bertujuan untuk mengurangkan kategori/sekatan kekompetenan Penjaga Jentera, sesuai dengan kehendak industri semasa, iaitu dari 10 kategori/sekatan kepada 6 kategori/sekatan sahaja di mana kategori/sekatan *minus* akan dihapuskan.

	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA Bil. 01/2014</p> <p>NAIK TARAF PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA KATEGORI A4-2, A4-1 KE A4 ATAU B0-2, B0-1 KE B0 DAN PEMBERHENTIAN PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN A4-2, A4-1, B0-2 DAN B0-1.</p>	<p>No: Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk.01/2014</p>
---	---	--


4. Pada masa ini juga, kebanyakan institusi bertauliah telah pun mempunyai pentauliah bagi menjalankan kursus modul-modul yang diperlukan seperti modul TAVR dan JKVRP yang boleh diguna pakai bagi pelaksanaan kaedah baru ini.

KAEDAH BARU BAGI NAIK TARAF PERAKUAN KEKOMPETENAN PJ A4-2 DAN A4-1 KE PJ A4 ATAU PJ B0-2 DAN B0-1 KE PJ B0.

5. Selaras dengan peraturan 45(2) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, dengan ini Suruhanjaya Tenaga menetapkan bahawa modul-modul latihan seperti di perenggan enam (6) berikut hendaklah digunakan untuk tujuan naik taraf perakuan kekompetenan PJ A4-2 atau A4-1 ke PJ A4 dan juga naik taraf perakuan kekompetenan PJ B0-2 atau B0-1 ke PJ B0.

6. Bagi tujuan naik taraf mengikut kaedah baru, pemegang perakuan PJ A4-2 atau A4-1 dan PJ B0-2 dan B0-1 perlu mendaftarkan perakuan kekompetenan PJ sedia ada dengan ST untuk tempoh tertentu dan menghadiri kursus modul bersijil di institusi-institusi bertauliah sebagaimana syarat-syarat mengikut kategori seperti berikut;


- i. Naik taraf PJ A4-2 ke PJ A4
 - Telah memiliki perakuan kekompetenan PJ A4-2 dan berdaftar dengan ST selama tidak kurang dari dua (2) tahun, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Talian Atas Voltan Rendah (TAVR) selama 80 jam, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah (JKVRP) selama 80 jam.

	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA Bil. 01/2014</p> <p>NAIK TARAF PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA KATEGORI A4-2, A4-1 KE A4 ATAU B0-2, B0-1 KE B0 DAN PEMBERHENTIAN PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN A4-2, A4-1, B0-2 DAN B0-1.</p>	<p>No: Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk.01/2014</p>
---	---	--

- ii. Naik taraf PJ A4-1 ke PJ A4
 - Telah memiliki perakuan kekompetenan PJ A4-1 dan berdaftar dengan ST selama tidak kurang dari satu (1) tahun, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah (JKVRP) selama 80 jam.

 - iii. Naik taraf PJ B0-2 ke PJ B0
 - Telah memiliki perakuan kekompetenan PJ B0-2 dan berdaftar dengan ST selama tidak kurang dari dua (2) tahun, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Talian Atas Voltan Rendah (TAVR) selama 80 jam, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah (JKVRP) selama 80 jam.

 - iv. Naik taraf PJ B0-1 ke PJ B0
 - Telah memiliki perakuan kekompetenan PJ B0-1 dan berdaftar dengan ST selama tidak kurang dari satu (1) tahun, dan
 - Menghadiri kursus Modul Latihan Penyegerakan Janakuasa Voltan Rendah (JKVRP) selama 80 jam.
7. Permohonan bagi naik taraf perakuan kekompetenan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang peperiksaan ST(PE)1 Pin. 4/2007 ke pejabat kawasan Suruhanjaya Tenaga yang berkenaan. Selain daripada maklumat sedia ada yang dikehendaki sepertimana yang dinyatakan dalam borang ST(PE)1 Pin. 4/2007, perkara-perkara berikut hendaklah juga dikemukakan:
- i. Salinan sijil lulus kursus modul kekompetenan yang telah dihadiri,
 - ii. Salinan pendaftaran orang kompeten, dan
 - iii. Bayaran fi pemerosesan permohonan dan fi menduduki peperiksaan.

	<p style="text-align: center;">PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA Bil. 01/2014</p> <p style="text-align: center;">NAIK TARAF PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA KATEGORI A4-2, A4-1 KE A4 ATAU B0-2, B0-1 KE B0 DAN PEMBERHENTIAN PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN A4-2, A4-1, B0-2 DAN B0-1.</p>	<p style="text-align: center;">No: Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk.01/2014</p>
---	---	--

8. Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga akan memproses permohonan yang diterima dan mengemukakan ke ibu pejabat Suruhanjaya Tenaga untuk kelulusan dan pengeluaran perakuan kekompetenan.

PEMBERHENTIAN PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA A4-2, A4-1, B0-2 DAN B0-1

9. Dengan pelaksanaan kaedah baru bagi naik taraf perakuan kekompetenan ini, peperiksaan dan pengeluaran perakuan bagi kategori PJ A4-2, A4-1, B0-2 dan B0-1 akan diberhentikan mulai 01Jun 2015.

TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



(DATUK Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: 8 Mei 2014